

CABARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH

Azimah Yasin

Jabatan Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia;

E-mel: azimahyasin@yahoo.com; **Tel:** 013 - 2442384

Tahap Pengajian: Ijazah Doktor Falsafah, Islam Antarabangsa Malaysia

Falsafah Pendidikan Islam berusaha melahirkan individu soleh, seterusnya melahirkan warganegara yang beriman dan beramal soleh. Ia juga berusaha ke arah melahirkan insane yang mempunyai keseimbangan dari segi kebendaan dan rohani. Justeru itu, guru Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam merealisasikan falsafah tersebut. Namun begitu, beberapa scenario yang berlaku di sekolah membuatkan guru Pendidikan Islam terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dan tekanan yang hebat dalam usaha mencapai matlamat yang digariskan. Kertas kerja ini akan memfokuskan pada empat cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh guru-guru Pendidikan Islam di sekolah. Pertama, Guru Pendidikan Islam dianggap sebagai guru kelas kedua dan hanya diperlukan dalam situasi-situasi tertentu sahaja, seperti membaca doa di dalam sesuatu majlis atau menyelesaikan gejala social yang berlaku di sekolah. Kedua, mata pelajaran Pendidikan Islam dianggap tidak penting dan tidak termasuk di dalam pengiraan markah dalam menentukan kedudukan murid-murid di dalam peperiksaan. Ketiga, cabaran daripada pentadbir dan rakan sekerja. Keempat, cabaran dari sudut pengajaran dan pembelajaran (p & p) dalam menempuhi era IT dan globalisasi.